

NOOR AZAHAN OTHMAN bersama pasukan politeknik Sabah yang menjuarai Kejohanan Bola Sepak Politeknik Malaysia 2016 di Politeknik Kota Bharu, Kelantan, semalam.



Politeknik Sabah juara Polycup 2016

KOTA BHARU 12 Mei - Politeknik Sabah muncul juara Kejohanan Bola Sepak Politeknik Malaysia (Polycup) 2016 yang berlangsung di Politeknik Kota Bharu (PKB) di sini hari ini.

Pasukan tersebut menewaskan pasukan Politeknik Melaka 2-0 dan gol kemenangan dijaringkan oleh Mohd. Razle Puteh pada minit keenam dan Mohd. Idham Ajis pada minit ke-27.

Dengan kemenangan tersebut, pasukan Politeknik Sabah membawa pulang piala iringan, pingat bersama wang tunai RM1,500 manakala Politeknik Melaka selaku naib juara menerima piala iringan, pingat dan wang tunai RM1,000.

Dalam kejohanan empat hari itu, tempat ketiga dimenangi Politeknik Kelantan manakala Politeknik Sarawak di tempat keempat.

Hadiah wang tunai dan piala iringan telah disampaikan oleh Pengarah PKB, Noor Azahan Othman.

Sementara itu, Noor Azahan berkata, kejohanan Polycup 2016 yang bermula pada 9 Mei lalu, disertai 11 politeknik dari seluruh negara kecuali Negeri Sembilan dan Perak.

"Kejohanan kali ini dilihat mempunyai perkembangan yang baik kerana dua pasukan iaitu Sabah dan Sarawak sebelum ini tidak pernah sampai ke peringkat akhir.

"Jadi ini memberi pembaharuan positif untuk bola sepak politeknik dengan kemunculan pasukan serta pemain-pemain baharu yang mampu memberi saingan sengit untuk ke peringkat lebih tinggi mewakili negeri, mahupun negara," katanya.